

11/01/2003

London hargai usaha Kuala Lumpur perangi keganasan

SEPANG: Britain menghargai usaha kerajaan Malaysia membanteras keganasan di dalam negara dan juga kerjasama yang dihulurkannya dalam memerangi keganasan di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Hal Ehwat Luar dan Komanwel Britain, Jack Straw, yang tiba di

negara ini untuk lawatan rasmi sehari berkata, Britain menghargai kerjasama dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia untuk memerangi keganasan.

Straw berkata, pertemuan beliau bersama tiga pemimpin Malaysia iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, telah membantu menjelaskan kedudukan negaranya dalam pelbagai isu, khususnya Iraq.

Beliau yang menjelaskan lawatannya ke Malaysia bertujuan membincangkan hubungan dua hala, mengakui kerajaannya ingin memberi penerangan kepada negara-negara Islam mengenai isu Iraq.

Katanya, Britain memberi jaminan kepada Malaysia bahawa mereka komited membawa isu Iraq ke Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sekali lagi bagi menyelesaikan konflik itu secara aman.

"Kita (Britain) mahu isu Iraq diselesaikan secara aman dan saya rasa dalam pertemuan saya dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan

Menteri Luar, negara ini yakin dengan komitmen Britain," katanya pada sidang akhbar di Hotel Pan Pacific di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, Britain akan terus menggunakan kekuatan dan tekanan ketenteraan terhadap Iraq bagi memaksa negara itu melucutkan senjata pemusnahnya.

Negara itu dan sekutunya Amerika Syarikat yang mendakwa ingin melihat konflik berkenaan diselesaikan secara aman, percaya bahawa 'diplomasi aktif' perlu disokong dengan tekanan ketenteraan.

Kedua-dua negara sudah mengerah lebih 80,000 tentera di Teluk bagi menunjukkan kekuatan mereka.

Straw berkata, penyelesaian isu Iraq perlu disusuli dengan tekanan ketenteraan.

"Ini bagi memastikan Baghdad mematuhi Resolusi 1441 yang mewajibkan negara itu menghapuskan segala senjata pemusnah.

"Seluruh masyarakat antarabangsa perlu membuat keputusan yang sama bagi menggesa Presiden Iraq, Saddam Hussein mematuhi resolusi berkenaan," katanya.